

26.61981.

Timbalan: Lobi bergema di sidang Pemuda

KUALA LUMPUR, Khamis — Suasana Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka di sini riuh rendah apabila beberapa perwakilan perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO lobi-melobi mengenai pemimpin yang paling layak dipilih untuk Timbalan Presiden UMNO, esok.

Sebahagian mereka mendakwa Tengku Razaleigh Hamzah layak menduduki kerusi itu manakala yang lainnya berpendapat Datuk Musa Hitam pula lebih layak.

Sikap ini diluahkan ketika mereka membahaskan dua usul — ekonomi dan pelajaran yang dikemukakan oleh Pemuda UMNO Bahagian Pahang dan Bahagian Shah Alam.

Wakil Kulim/Bandar Baru, Encik Hussain Abdul Rahman berkata, setiap calon pemimpin UMNO masa depan harus dipilih dari mereka yang pernah berkhidmat dengan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Bellau difahamkan menunjukan kepada Datuk Musa yang pernah memegang tampuk jawatan Naib Ketua Pemuda beberapa tahun lalu.

Bagaimanapun, wakil Besut Trengganu, Encik Anuar Mahmud berdiri di belakang Tengku Razaleigh dengan mengemukakan peranan dan jasa Menteri Kewangan itu.

Wakil Shah Alam, Encik Ghazi Tamby yang mengemukakan usul pelajaran di per-

himpunan itu berkata, usaha Menteri Pelajaran mengemukakan konsep Sistem 3M di peringkat sekolah rendah perlu dialu-alukan.

"Setengah pihak berpendapat 3M itu ialah Mahathir, Musa dan Murad. Dan saya pula berpendapat 3M itu Melayu, Muslim dan Malaysia," katanya lagi.

Di akhir ucapan beliau menghadiahkan pantun empat kerat untuk perwakilan iaitu:

Tanah mulia pusaka
tercinta,

Emas perak ada
cacatnya,

3M adalah untuk
agama dan bangsa,

Tentukan dia
terus berkuasa.

Ini disusuli oleh tepukan gemuruh sebahagian perwakilan.